

17/02/1998

Hubungan kembali pada landasan betul

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong menganggap hubungan Malaysia-Singapura ketika ini berada pada landasan yang betul walaupun ada beberapa isu masih belum diselesaikan.

Beliau berkata, kedua-dua negara kini mempunyai hubungan lebih baik berbanding sebelum ini.

Menurutnya, pada pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri pagi ini, mereka bersetuju mengarahkan pegawai masing-masing meningkatkan usaha menyelesaikan sebarang percanggahan antara kedua-dua negara.

"Kita sekarang berada pada landasan yang betul.

"Hubungan kedua-dua negara kini bertambah baik berbanding tahun lalu," katanya kepada pemberita selepas melawat Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini, hari ini.

Hubungan kedua-dua negara menjadi tegang berikutan kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor Bahru. Lee kemudian memohon maaf atas kenyataannya itu.

Sebelum itu, Goh yang tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari, mengadakan lawatan ke bandar Cyberjaya.

Hadir sama Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Hishamuddin Tun Hussein selaku menteri pengiring.

Bagaimanapun, Goh menganggap masalah masih boleh berlaku dalam hubungan kedua-dua negara dan beberapa isu lagi belum berjaya diselesaikan.

"Sudah pasti isu yang lama tidak dapat diselesaikan pada satu pertemuan.

"Tetapi yang mustahaknya kita berjaya mengukuhkan hubungan dan terus meneliti isu berkenaan," katanya.

Pada pertemuan itu, Goh berkata Dr Mahathir memberitahunya bahawa beliau akan menimbang untuk membekalkan air ke Singapura selepas tahun 2061 apabila perjanjian sekarang tamat, berdasarkan syarat dan peraturan yang akan dipersetujui kedua-dua pihak.

Selain itu, katanya, mereka yang turut berbincang mengenai masalah yang melanda rantau ini bersetuju bekerjasama bagi menyelesaikan masalah yang wujud.

"Kita berbincang bagaimana untuk mewujudkan kestabilan mata wang serantau dan idea menggunakan mata wang serantau bagi menjalankan perdagangan.

"Kita juga sudah meminta gabenor bank di rantau ini mengkaji perkara itu," katanya.

Mengenai masalah di Indonesia, Goh melahirkan kebimbangan dengan masalah nilai mata wang negara itu tetapi mengakui negara serantau sedang berusaha membantu menyelesaikan masalah di negara berkenaan.

Singapura, katanya, sedang melaksanakan beberapa langkah untuk membantu negara itu, antaranya menganjurkan forum peminjam pemiutang dan menyediakan jaminan kewangan perdagangan pelbagai hala.

Menurutnya, langkah itu bertujuan membantu bank Indonesia memastikan surat kredit mereka diterima bank asing.

Mengenai Menara Petronas, Goh melahirkan kekaguman terhadap bangunan berkenaan dan yakin ia mampu menjadi pusat perdagangan yang maju.